



JURNAL LINGUISTIK Vol. 20 (1) Jun.2016 (033-041)

Slanga sebagai Wahana Komunikasi dalam Kalangan Remaja di Bengkalis

Harishon Radzi & Tengku Fariqul Haq

naslin@ukm.edu.my

Program Linguistik, Pusat Penyelidikan dan Kelestarian Sains Bahasa
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Slanga bukanlah satu bentuk fenomena baru dalam dunia bahasa, tetapi fenomena ini mula popular dan perkembangannya sangat pesat dalam kalangan remaja untuk masa sekarang ini. Fenomena tersebut turut berlaku di Riau, Indonesia, khususnya di kawasan Bengkalis. Objektif kajian ini ialah untuk pengkategorian slang mengikut jantina. Objektif berikutnya ialah menghuraikan penggunaan fungsi slang mengikut jantina. Dengan menggunakan teori domain penggunaan bahasa oleh Fishman (1972a) pengkaji membincangkan slang remaja ini berdasarkan konteks. Sebanyak 85 leksikal slang diperolehi menerusi kajian lapangan kepada 60 responden remaja lelaki dan perempuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa slang kalangan remaja di Bengkalis terbahagi kepada dua, iaitu slang lelaki dan perempuan. Di samping itu, terdapat leksikal slang yang merupakan bentuk peminjaman slang bahasa Gaul (Indonesia) dan slang daripada bahasa Inggeris. Kajian ini telah menyumbang kepada bidang ilmu bahasa, di samping dapat menambahkan lagi pengetahuan kepada slang-slang yang wujud dalam kalangan remaja berkenaan. Selain itu, kajian ini mendedahkan serba sedikit mengenai remaja di Bengkalis dan cara pergaulan mereka menerusi slang-slang yang dihasilkan.

Kata kunci : slang, sociolinguistik, wahana komunikasi, rema dan leksikal.

Abstract

Slang is not a new phenomenon in language, but it is becoming popular and is rapidly developing among today's youth. The use of slang also occurs in Riau, Indonesia, particularly in the district of Bengkalis. The objective of the study is to categorise slang in terms of gender. The other objektif is to explain the use of slang function according to gender. By using language domain theory by Fishman (1972a) this paper discusses slang among youth based on this context. 85 lexicals of slang was obtained through a field work with 60 male and female respondents among youth. Result of the study shows that slang used among youth in Bengkalis can be categorised into two; male and female slangs. There are also lexical in the form of borrowed slang from Gaul (Indonesia) language and from English. The study contributes towards language, besides adding knowledge on slang words that occur among youth. The study also shows about youth in Bengkalis and their way of communication through created slangs.

Key words : slang, sociolinguistic, communication platform, rheme, lexical.

1. Pengenalan

Slanga bukanlah fenomena baru dalam kehidupan bermasyarakat. Ianya telahpun wujud dan berkembang sejak abad ke 19 lagi (Asher 1994 dlm. Bembe 2006). Walaupun tidak dinafikan kewujudan slang pada zaman itu tidak begitu diperhatikan, dengan kata lain pengkajian mengenai hal ini masih lagi terhitung baru. Penggunaan slang pada zaman tersebut hanya terhad kepada golongan masyarakat kelas sosial rendah dan para penjenayah. Selain itu penggunaan slang juga terhad, iaitu hanya di pasar sahaja (Asher 1994 dlm Bembe 2006).

Dalam konteks hari ini, pengkaji melihat penyebaran slanga ini sangat meluas dan begitu juga penggunaannya. Jika dahulu slanga hanya digunakan dalam golongan masyarakat kelas sosial rendah, hal itu tidak berlaku lagi untuk sekarang. Slanga hari ini wujud dalam pelbagai golongan masyarakat baik golongan tinggi maupun rendah, sama ada kalangan remaja ataupun dewasa.

Slanga wujud akibat pelbagai keperluan manusia, salah satunya adalah untuk merahasiakan perbualan kalangan atau komuniti tertentu. Hal ini kerana variasi bahasa ini bersifat terhad. Dikatakan demikian kerana bahasa ini hanya difahami oleh golongan atau kalangan penuturnya sahaja. Sebab itu bahasa ini bersifat tidak formal atau kolokial (Asmah 2008). Variasi bahasa yang tidak formal atau tidak standard mustahil untuk disebarluaskan secara menyeluruh ke setiap lapisan masyarakat. Hal ini kerana variasi bahasa tidak formal seperti slanga mempunyai banyak kekangan untuk dapat diterima oleh seluruh masyarakat, salah satu adalah sifatnya yang tidak menggalakkan orang di luar kumpulan untuk memahaminya, dengan kata lain bersifat kekitaan. Selain itu variasi bahasa ini juga tidak mempunyai sistem dan peraturan yang kukuh yang mengawal penggunaannya. Justeru sesetengah slanga malah tidak mempunyai tatabahasa. Bermakna slanga tersebut hanya wujud dalam bentuk leksikal.

Slanga sering ditafsirkan sebagai bahasa perbualan atau kolokial bagi orang awam. Ianya dianggap sebagai bahasa yang direka oleh remaja untuk tujuan perbualan sesama mereka sahaja. Namun begitu, tafsiran tersebut menurut pengkaji tidaklah tepat. Hal ini kerana bahasa slanga membawa makna yang lebih luas daripada itu, ianya bukan hanya dituturkan di kalangan remaja, malah kalangan-kalangan yang lebih sulit seperti banduan turut menuturkan slanga mereka sendiri (Abdul Ghani 2008). Selain itu, penggunaan slanga tidak terhad kepada perbualan sahaja. Slanga juga sering digunakan sebagai bahasa rahsia, bahasa yang digunakan khas untuk kalangan penuturnya sahaja. Kalangan penutur tersebut tidak ingin perbualan mereka difahami orang luar, kerana mungkin ada maklumat-maklumat sulit yang ingin mereka rahasiakan (Hoogervorst 2009). Oleh itu, satu definisi yang pengkaji pegang sebagai pedoman ialah satu definisi daripada Chapman dalam bukunya *New Dictionary of American Slang*, iaitu slanga ialah perkataan yang digolongkan sebagai variasi tidak rasmi dan digunakan oleh kalangan tertentu (Chapman 1986).

Dalam konteks kajian ini pula, pengkaji melihat fenomena penyebaran slanga yang sangat pesat pada kalangan remaja di Riau secara umumnya, Bengkalis secara khususnya. Remaja di kawasan Bengkalis ini terbilang unik, sebabnya kawasan ini berada di sempadan antara negara Indonesia dan Malaysia. Kawasan ini mendapat pengaruh daripada dua bahasa yang dominan, iaitu bahasa Indonesia dan dialek tempatan. Kawasan ini merupakan kawasan luar bandar, yang mana kehidupan masyarakatnya tidak sebegitu moden layaknya di bandar. Bahasa Indonesia digunakan untuk urusan formal dan dialek tempatan biasa digunakan untuk urusan tidak formal. Namun, satu hal yang tidak dinafikan bahawa wujudnya slanga dalam kalangan remaja di kawasan tersebut meskipun dihimpit oleh dua bahasa yang dominan tadi. Slanga yang wujud dalam kalangan remaja di Bengkalis Riau ini tidaklah rencam dan terstruktur seperti beberapa slanga di tempat lain seperti *boso walikan* di Malang Indonesia (Hoogervorst, 2014), ia hanya berbentuk leksikal sahaja. Adapun beberapa leksikal yang wujud juga mendapat pengaruh daripada slanga-slanga di tempat lain.

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah mengkategorikan slanga mengikut jantina, menghuraikan penggunaan dan menganalisis fungsi slanga mengikut jantina. Pengkaji mendapati bahawa wujud perbezaan leksikal slanga antara kalangan remaja lelaki dan perempuan, oleh itu faktor jantina sangat ditekankan dalam kajian ini. Justeru objektif kajian ini dipenuhi demi mencapai matlamat kajian, iaitu pengkaji ingin mendedahkan kepada masyarakat bahawa slanga ini wujud di persekitaran kita, dan tujuan penggunaannya pelbagai.

2. Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan di Bengkalis, iaitu salah satu kawasan pulau yang termasuk dalam provinsi (negeri) Riau di Indonesia. Majoriti masyarakat Bengkalis ialah Melayu dan bahasa yang digunakan ialah dialek Melayu tempatan. Untuk lebih khusus lagi, kajian ini dilakukan di dua sekolah yang berbeza tingkatannya. Sekolah yang pertama ialah MTsN Bengkalis (Madrasah Tsanawiyah Negeri Bengkalis), iaitu sekolah yang setara dengan sekolah menengah agama di Malaysia,. Sekolah yang kedua pula ialah SMKN 2 Bengkalis (Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 2 Bengkalis) yang setara dengan STPM. Murid-murid yang dijadikan responden ialah yang berada di tingkatan akhir tiap-tiap sekolah tersebut iaitu *kelas 3*

atau darjah 3. Pengkaji menghadkan umur responden kepada 13 sehingga 18 tahun. Kerana tingkatan akhir di MTsN majoritinya ialah 15 tahun, dan tingkatan akhir di SMKN ialah 18 tahun.

Pengkaji menghadkan responden seramai 60 orang. Tiap-tiap sekolah akan dipilih 30 orang, dan dibahagikan lagi kepada 15 untuk lelaki dan 15 lagi untuk perempuan. Pengkaji menghadkan jumlah tersebut berdasarkan jumlah pelajar di sekolah tersebut. Berbeza dengan kawasan bandar yang muridnya ramai, di Bengkalis khususnya sekolah yang dipilih tiap-tiap tingkatan hanya mempunyai satu bilik darjah sahaja. Oleh itu, 30 orang tiap-tiap sekolah telahpun dikira sebagai banyak.

Kaedah kajian yang digunakan untuk memperolehi data kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah soal selidik. Pengkaji memilih kaedah ini kerana, menurut pengkaji untuk mengkaji responden dengan kuantiti yang banyak, kaedah yang paling sesuai ialah kaedah soal selidik. Soalan yang ditanyakan kepada responden merupakan soalan-soalan terbuka. Dengan kata lain, pengkaji memberikan ruang kepada penjawap atau responden untuk menuliskan atau memberikan leksikal-leksikal slanga yang mereka gunakan.

Setelah semua data didapat, langkah seterusnya adalah dengan mengkategorikan data leksikal slanga tersebut mengikut jantina. Selain itu, jika ditemukan data yang wujud dalam kedua-dua kelompok remaja ini, maka data tersebut akan dimasukkan ke dalam kategori 'perkongsian'. Bertolak daripada pengkategorian tersebut, kemudian data akan dihurai mengikut fungsinya. Sebagai contoh : *longor* , bermakna 'bodoh', digunakan untuk mengejek. Langkah terakhir ialah menganalisis leksikal tersebut mengikut domainnya.

Pendekatan domain penggunaan bahasa yang dikemukakan oleh Fishman (1965,1972) adalah satu pendekatan yang mementingkan hubungan aspek linguistik dengan kategori sosial. Aspek linguistik dalam konteks kajian ini ialah slanga, dan kategori sosial merujuk kepada remaja. Dalam konteks kajian ini, analisis yang dilakukan merangkumi tempat penuturan slanga dan lawan bual penutur slanga tersebut. Dengan begitu, pengkaji akan mendapati sama ada leksikal tertentu dituturkan kepada orang di luar kumpulan atau tidak. Jika tidak, maka leksikal itu disahkan sebagai slanga. Selain itu, faktor domain juga penting dalam mengenal pasti leksikal tertentu wujud dalam situasi atau tempat tertentu.

3. Hasil Kajian

Berdasarkan hasil kajian, data yang diperolehi menerusi soal selidik adalah sebanyak 157 leksikal slanga yang terhasil. Namun begitu, hanya 86 leksikal yang berbeza sahaja yang terhasil, sisanya merupakan pengulangan yang akan dikira dalam kekerapan.

Jadual 1.0 merupakan pemaparan beberapa leksikal slanga yang menduduki tempat tertinggi dalam kategori kekerapan. Dapat dilihat bahawa leksikal slanga 'lawak' ialah yang paling kerap digunakan oleh kalangan remaja yang dikaji. Seterusnya ialah 'bongkok' atau 'ngok' yang menduduki tempat ke dua dalam kategori tersebut. Selain itu, dapat dilihat juga berdasarkan jadual 1 antara 5 leksikal slanga yang dipaparkan, hanya 1 leksikal sahaja yang nampaknya khas untuk remaja lelaki, iaitu 'ongeh'. Hal ini menandakan bahawa wujudnya perbezaan slanga antara lelaki dan perempuan. Pembahagian mengenai hal ini akan dibincangkan lebih mendalamn nantinya.

Jadual 1 Leksikal Slanga Mengikut Kekerapan

Perkataan	Makna	Perempuan	Lelaki	Kekerapan
Lawak	Lucu	5	3	8
Bongkok/ngok	Bodoh	5	2	7
Salting	salah tingkah (Malu-malu)	4	2	6

Baper	bawa perasaan (terasa)	4	2	6
Ongeh	Sombong	0	5	5

Perkataan *'lawak'* dan *'bongok'* ialah perkataan yang biasa digunakan dan biasa didengar dalam bahasa Melayu, tetapi tidak dalam bahasa Indonesia atau bahasa tempatan tempat kajian. Perkataan-perkataan tersebut dalam konteks ini dianggap sebagai slanga kerana penggunaannya yang agak tertutup, iaitu hanya digunakan oleh kebanyakan kalangan remaja. Mengikut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI), perkataan *'bongok'* memang wujud dalam bahasa Indonesia, tetapi maknanya berbeza dengan apa yang didapat dari hasil kajian ini. *'bongok'* mengikut KBBI bermakna seseorang yang gemuk dan pendek (tinggi dan berat badan tidak seimbang) (KKBI Online, 2016), tetapi dalam konteks ini justeru merujuk kepada 'bodoh'.

Seterusnya, seperti yang terlihat dalam jadual 2 di atas bahawa adanya pengaruh slanga atau 'Bahasa Gaul' Jakarta dalam kalangan remaja di Bengkalis ini. Iaitu adanya leksikal *'baper'* dan *'salting'* pada jadual tersebut (Kawira, 1990). Kedua-dua leksikal ini pada hakikatnya merupakan sebuah bentuk akronim kepada 'bawa perasaan' (*baper*) dan 'salah tingkah' (*salting*). Walaupun demikian, kedua leksikal tersebut lebih kerap dituturkan dengan menggunakan akronimnya berbanding leksikal penuh.

3.1 Slanga Remaja Lelaki

Jadual 2 Leksikal Slanga Lelaki

Perkataan	Makna	Fungsi
ongeh	Sombong	mengejek
kombo/combo	hodoh/ tak cantik	menghina
jadul	jaman dulu (ketinggalan zaman)	mengejek

Mengikut data kajian yang terhasil, terdapat sebanyak 33 leksikal slanga yang khas dan hanya wujud dalam soal selidik yang dibahagikan kepada pelajar lelaki. Daripada 86 leksikal 33 di antaranya adalah leksikal khas lelaki, dengan kata lain sebanyak 38% daripada jumlah keseluruhan leksikal.

Kebanyakan slanga yang dikaji adalah difungsikan sebagai ejekan atau hinaan. Daripada jumlah keseluruhan slanga khas lelaki iaitu sebanyak 33 leksikal, hanya 7 leksikal sahaja yang fungsinya berbeza atau bukan untuk mengejek atau menghina. Adapun 7 yang berbeza itu ialah untuk memuji, pertanyaan, menegur dan mengancam. Walaupun demikian, kalau diperhatikan secara lebih dalam, hanya 3 sahaja leksikal slanga yang fungsinya positif. Hal ini sudah menunjukkan gambaran bahawa slanga lebih cenderung digunakan sebagai ejekan.

Jadual 3 Leksikal Slanga Mengikut Fungsi

Perkataan	Makna	Fungsi
Sekut	lempang	ancaman
Strong	kuat	memuji

Sempolet	juara	memuji
Matan	sombong	menegur
Sengak	sombong	menegur

Berdasarkan jadual 3 , kita dapat melihat makna yang terkandung dalam leksikal-leksikal tersebut. Mengikut makna yang terpapar di jadual 1.2, hanya dua leksikal yang murni berunsur positif, leksikal tersebut ialah '*strong*' dan '*sempolet*'. Sedangkan tiga leksikal lainnya mengandung unsur negatif dari aspek maknanya dan dirasai leksikal-leksikal tersebut boleh bertukar fungsi kepada ejekan kerana adanya unsur negatif tersebut.

Jadual 4 Contoh Penggunaan Slanga

Perkataan	Ayat	Maksud
Ongeh	“woi tengoklah orang tu, <u>ongeh</u> betul orangnyo”	“woi tengoklah dia tu, sombong sangat orangnya”
Kombo/combo	“woi <u>kombo</u> muko dikau ni”	“woi muka kau hodoh”
Jadul	“lu <u>jadul</u> amat sih”	“awak ni ketinggalan zaman sangat lah”

Pengkaji sengaja memberikan maksud di sana dengan gaya dialog kerana untuk lebih memahami lagi konteks sesuatu slang itu digunakan. Seterusnya, dapat dilihat daripada ayat dalam jadual 4 bahawa leksikal- leksikal ini digunakan atau dituturkan hanya kepada rakan sebaya atau rakan-rakan sepermainan. Perkara ini dapat dilihat dengan memahami konteks perbualannya, ditandai dengan perkataan '*woi*', '*dikau*' dan '*lu*'. Perkataan-perkataan merupakan kata ganti nama orang ke dua, '*dikau*' dan '*lu*' merujuk kepada kata ganti nama orang ke dua tunggal iaitu '*awak*', '*kau*' atau '*kamu*' sedangkan '*woi*' merujuk kepada kata ganti nama orang ke dua jamak iaitu '*awak semua*'. Oleh itu, tidak menghairankan lagi apabila kebanyakan leksikal slang ini digunakan untuk mengejek dan menghina, kerana ejek-mengejek dalam pertemanan itu hal biasa.

3.2 Slanga Remaja Perempuan

Di atas tadi kita telah membincangkan slang yang khas untuk kalangan remaja atau pelajar lelaki, pada bahagian ini pula pengkaji akan membincangkan slang yang hanya wujud dalam kalangan perempuan. Sedikit berbeza dengan slang kalangan lelaki tadi, slang khas perempuan ini nampaknya mempunyai fungsi yang lebih bervariasi. Walaupun demikian, tidak dinafikan bahawa kalau dikira peratusannya slang yang berfungsi sebagai ejekan lebih banyak. Berdasarkan hasil data yang pengkaji perolehi (jadual 5), terdapat sebanyak 38 leksikal yang khas untuk remaja perempuan atau 44% daripada jumlah keseluruhan slang (86 leksikal). Daripada jumlah keseluruhan leksikal slang khas perempuan itu, 17 di antaranya ialah difungsikan sebagai ejekan atau 44% daripada 38 leksikal berkenaan.

Jadual 5 : Leksikal Slanga Perempuan Mengikut Kekerapan

Perkataan	Perempuan	Lelaki	Kekerapan
malo	4	0	4
garing	4	0	4
mager	3	0	3
pj	3	0	3

Seperti yang pengkaji perkatakan di atas tadi, leksikal slanga khas untuk perempuan ini mempunyai fungsi yang lebih bervariasi berbanding dengan slanga lelaki tadi. Jika slanga lelaki hanya mempunyai 7 leksikal yang berbeza fungsinya daripada keseluruhan slanga lelaki, maka slanga perempuan lebih dari itu. Fungsi- fungsi seperti untuk menunjuk, nasihat, penyata perasaan, panggilan dan tuduhan mula wujud dalam slanga perempuan yang mana tidak dimiliki oleh slanga lelaki. Secara keseluruhan slanga perempuan mempunyai sebanyak 13 fungsi, tetapi tidak semua data akan dipaparkan dalam jadual.

Perhatikan jadual 6, dapat dilihat di sana bahawa beberapa leksikal yang mempunyai fungsi yang berbeza-beza. Berdasarkan data yang dipaparkan dalam jadual 1.6, terdapat sebanyak 9 fungsi yang berbeza tiap-tiap leksikal. Meskipun berbeza-beza dari aspek fungsi, kebanyakan leksikal-leksikal tersebut mempunyai satu kategori yang sama iaitu kategori tempat perbualan. Berdasarkan hasil data yang diperolehi menerusi soal selidik, 7 daripada 9 leksikal ialah dituturkan di sekolah, sedangkan 2 di antaranya di tempat berbeza. Hal ini menunjukkan bahawa slanga perempuan lebih kerap digunakan pada lingkungan sekolah yang menjadikannya kontras dengan slanga lelaki yang dituturkan hampir di semua tempat.

Jadual 6 : Kepelbagaian Fungsi Slanga Perempuan

Perkataan	Makna	Fungsi
Kicep	Lemah/kalah	Menunjuk
Woles	Santai	Nasihat
Doi/ si doi	Dia	Panggilan
Jehong	Jahat	Penyata emosi
Copek	Cepat	Perintah
Otw	Di jalan	Pernyataan
Apa kabz	Apa khabar	Sapaan
Pj	Pajak jadian	Sindiran
Cilok	Curi	Tuduhan

Berdasarkan data kajian yang didapat, leksikal-leksikal yang dipapar dalam jadual 2 tidak membawa apa-apa perbezaan dari aspek lawan bual, dengan kata lain slanga-slanga ini hanya dituturkan kepada rakan-rakan, sama ada rakan yang lebih tua, sebaya atau lebih muda. Beberapa leksikal yang terdapat dalam jadual 1.6 ini merupakan campuran antara slanga Jakarta dan bahasa Inggeris. Leksikal 'doi', 'pj' dan 'woles' merupakan leksikal slanga yang juga wujud dalam 'Bahasa Gaul' Jakarta. Seperti yang pengkaji singgung di atas bahawa slanga di Bengkalis mendapat pengaruh yang kuat daripada 'Bahasa Gaul' Jakarta kerana faktor media massa, TV, media sosial dan lain-lain. Hal ini tidak dapat dihindari kerana sudah sememangnya perkembangan di Ibu Negara terutama perkembangan dalam hal kebahasaan menjadi sorotan dan pedoman bagi kawasan-kawasan terpencil seperti Bengkalis.

Kemudian leksikal 'otw' yang rasanya kebanyakan orang sudah biasa dengan perkataan ini dan dapat dikatakan perkataan ini bukan lagi tergolong dalam slanga. 'otw' ialah satu bentuk penyingkatan kepada 'on the way' atau jika diterjemahkan menjadi 'masih di jalan'.

Jadual 7 : Contoh Penggunaan Slanga Perempuan

Perkataan	Makna	Ayat	Maksud
Demuk	Pukul	"ei, aku demuk dikau kang"	"aku pukul kau ni nanti"
Henyak	Himpit/pukul	"aku henyak dikau kang, macam-macam lah dikau"	"aku himpit baru tau rasa kau"
Terong-terongan	Lelaki nakal	"dasar terong-terongan"	"kau ni memang lelaki nakal"

Berdasarkan data jadual 7, dapat dikesan bahawa leksikal yang wujud dalam kalangan remaja perempuan ini tidak jauh berbeza dari hubungan makna dan fungsinya. Ketiga-tiga leksikal slanga tersebut mempunyai makna negatif. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya contoh ayat di sana, yang mana leksikal slanga berkenaan digunakan dengan maksud untuk mengancam dan memaki. Leksikal 'demuk' dan 'henyak' merujuk kepada sesuatu perbuatan yang akan dilakukan apabila seseorang penutur sedang marah, dengan kata lain leksikal tersebut digunakan untuk mengancam lawan bualnya. Sedangkan leksikal 'terong-terongan' pula merupakan slanga yang digunakan untuk menghina atau memaki seseorang. Daripada makna leksikal 'terong-terongan' tersebut sudah dapat dilihat bahawa ianya merujuk kepada fungsi yang negatif. Justeru, leksikal 'terong-terongan' mempunyai bentuk antonimnya dalam slanga yang dikaji ini, iaitu leksikal 'cabe-cabean'. 'terong' adalah merujuk kepada lelaki dan 'cabe' merujuk kepada perempuan yang menjadikan makna 'cabe-cabean' ialah 'perempuan nakal'.

Meskipun leksikal-leksikal yang dipaparkan dalam jadual 7 tersebut bertujuan sesuatu yang negatif, ada satu hal menarik yang pengkaji dapati berdasarkan data kajian ini. Hal menarik tersebut ialah, leksikal-leksikal tersebut meskipun bersifat memaki atau ancaman tetapi ianya tidak dituturkan di luar lingkungan rakan-rakan. Dengan kata lain para remaja ini tidak memaki atau mengancam orang di luar kumpulan mereka menggunakan leksikal berkenaan.

3.3 Slanga Yang Dikongsi Bersama

Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji mendapati sebanyak 15 leksikal slanga yang wujud pada kedua-dua kalangan remaja atau pelajar. Hal ini bermakna sebanyak 17% leksikal daripada jumlah keseluruhan iaitu 86 leksikal ialah dikongsi bersama. Dengan kata lain, leksikal-leksikal yang dikongsi bersama ini tidaklah banyak seperti leksikal khas kalangan masing-masing.

Perhatikan jadual 8, dalam jadual tersebut pengkaji telah memaparkan kesemua slanga yang wujud bersama antara dua kalangan ini. Dapat dilihat dalam jadual, bahawa leksikal slanga yang dikongsi bersama ini memang tidak banyak dari segi jumlah, tetapi ianya unggul dari aspek kekerapan. Dengan kata lain, kesahan atau kewujudan sebenar leksikal ini lebih terjamin berbanding leksikal-leksikal yang hanya didapati melalui satu orang sahaja. Justeru, leksikal yang dikongsi bersama ini tidak wujud apabila ianya hanya didapati melalui satu orang, sama ada daripada lelaki sahaja atau perempuan sahaja. Selain itu, leksikal-leksikal yang tingkat kekerapannya paling tinggi dalam keseluruhan kajian ialah leksikal yang masuk dalam kategori ini.

Jadual 8 : Leksikal Slanga Yang Dikongsi Bersama

Perkataan	Perempuan	Lelaki	Kekerapan	Fungsi
kekinian	1	1	2	menunjuk
cabe-cabean	1	1	2	makian
tongong	1	1	2	mengejek
benyai	1	1	2	mengejek
ege	1	1	2	mengejek
ketot	2	1	3	mengejek
galau	1	2	3	penyata emosi
pinge/pinge-pinge	1	2	3	mengejek / menegur

behen	1	2	3	ancaman
jones	1	2	3	mengejek
telmi	1	3	4	mengejek
salting	4	2	6	penyata emosi
baper	4	2	6	penyata emosi
bongok/ngok	5	2	7	mengejek
lawak	5	3	8	memuji

Seterusnya apabila membincangkan tentang fungsi pula, leksikal-leksikal yang dikongsi bersama ini memiliki kepelbagaian yang banyak. Hal ini berlaku kerana percampuran fitur-fitur slanga lelaki dan perempuan sehingga menjadikan leksikal yang wujud lebih mempunyai banyak fungsi. Walaupun begitu, kepelbagaian fungsi yang ada ini masih lagi didominasi oleh leksikal yang bersifat negatif, iaitu leksikal yang difungsikan sebagai ejekan.

Berdasarkan data yang dianalisis dan diperolehi, didapati bahawa faktor tempat tidak membawa perbezaan yang signifikan dalam slanga perkongsian ini. Sama halnya dengan leksikal slanga khas tadi, slanga perkongsian juga hanya dituturkan di tempat-tempat yang ada rakan-rakan satu kumpulan mereka. Dengan kata lain bahawa tempat tidak terlalu memainkan peranan dalam terjadinya pertuturan menggunakan slanga. Justeru, kebanyakan slanga yang didapat boleh wujud dan dituturkan di semua tempat. Dengan kata lain, penanda terjadinya pertuturan dengan menggunakan slanga tidak terletak pada faktor tempat, melainkan mengikut lawan bualnya. Apabila pelajar-pelajar ini berbual dengan rakan mereka, tanpa menghiraukan tempat mereka akan kekal menggunakan slanga.

4. Kesimpulan

Berdasarkan huraian dan pemaparan data di atas maka telah sampailah kepada bahagian terakhir iaitu kesimpulan. Kita telah melihat di atas tadi bahawa kewujudan perbezaan antara slanga remaja lelaki dan perempuan ialah benar adanya. Bahkan berdasarkan data di atas, kita telahpun melihat satu kategori yang mana gabungan antara slanga remaja lelaki dan perempuan iaitu kategori slanga perkongsian. Secara umum didapati bahawa leksikal slanga perempuan lebih banyak didapat daripada lelaki, iaitu 44% berbanding 38% dan 18%. Ini menandakan remaja perempuan terlibat lebih aktif dalam menghasilkan leksikal slanga.

Selanjutnya, pengkaji mendapati bahawa slanga yang wujud di Bengkalis ini hanyalah slanga yang bentuknya leksikal sahaja. Kerana itu tiada satupun data yang didapat menunjukkan slanga dalam bentuk frasa atau ayat. Selain itu data membuktikan bahawa tempat pertuturan tidak membawa sebarang kesan yang signifikan. Hal ini dibuktikan dengan banyaknya data leksikal yang wujud di semua tempat. Manakala faktor lawan bual atau lawan tutur pula yang menjadi sempadan dalam penggunaan slanga ini. Data yang didapat membuktikan bahawa slanga hanya digunakan apabila penutur bertutur dengan kalangan mereka sahaja. Apabila lawan tutur bukan daripada kalangan mereka, maka mereka lebih cenderung untuk menggunakan bahasa perbualan biasa atau kolokial. Maka dengan itu, dapat disimpulkan bahawa slanga remaja di Bengkalis hanya dituturkan apabila kalangan penutur berbual dengan kalangannya sendiri tanpa ambil peduli tempat penuturannya.

Rujukan

- Asher, R.E. 1994. *The Encyclopedia of language and linguistics*. Dlm Magdeline Princess Bembe. 2006. *The Use of Slang Among Black Youth in Gauteng*. University of Johannesburg.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Hoogervorst, Tom G. 2014. *Youth Culture And Urban Pride The Sociolinguistics of East Javanese Slang*. Wacana 15 (1). Universitas Indonesia.
- Fishman, Joshua A. 1972. *The Sociology of Language*. Rowley, Mass: New Bury House
- Fishman, Joshua A. 1965. *Who speaks what language to whom and when*. La Linguistique 2. Presses Universitaires de France. Paris.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Versi Online. 2016. <http://kbbi.web.id/bongok> [04 April 2017]
- Kawira, Lita Pamela. 1990. *Bahasa Prokem di Jakarta*. Dlm Muhadjir and Basuki Suhardi. *Bilingualisme Dan Variasi Bahasa*, pp. 1-23. Depok: Fakultas Sastra Universitas Indonesia. [Lembaran Sastra 11-12.]
- Chapman R.L. 1986. *New Dictionary of American Slang*. University of Michigan. USA